

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : SENARAI PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah permohonan pemutihan kilang-kilang haram yang telah diluluskan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor sehingga Februari 2020.
- b) Sejauh manakah sambutan oleh pemilik kilang haram terhadap program pemutihan kilang-kilang dari Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Senarai jumlah permohonan pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran mengikut pecahan daerah adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	DAERAH	BIL. MOHON TUKAR SYARAT	LULUS
1.	PETALING	6	6
2.	KLANG	9	9
3.	GOMBAK	1	1
4.	HULU LANGAT	-	-
5.	SEPANG	2	2
6.	KUALA LANGAT	-	-
7.	KUALA SELANGOR	-	-
8.	HULU SELANGOR	-	-
9.	SABAK BERNAM	-	-

BIL.	DAERAH	BIL. MOHON TUKAR SYARAT	LULUS
JUMLAH		18	18

- b) Berdasarkan kepada beberapa siri taklimat yang telah diadakan sebanyak sembilan (9) kali, sambutan daripada pemilik tanah dan pengusaha kilang amat menggalakkan. Taklimat telah diadakan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kuala Langat, dan Majlis Daerah Hulu Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENGELUARAN STRATA TITLE

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah strata *title* yang telah dikeluarkan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor sehingga kini.
- b) Sila senaraikan jumlah permohonan strata *title* yang belum diluluskan sehingga akhir 2019 mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Sehingga Februari 2020, sebanyak 610,148 petak hakmilik strata telah dikeluarkan. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut.

Bil	Daerah	Bilangan Petak
1.	Hulu Langat	151,648
2.	Kuala Langat	8,316
3.	Sepang	246,95
4.	Sabak Bernam	126
5.	Petaling	284,493
6.	Kuala Selangor	6,043
7.	Hulu Selangor	11,043
8.	Gombak	72,863
9.	Klang	50,921
	Jumlah Keseluruhan	610,148

- b) Senarai bilangan permohonan Pecah Bahagi Bangunan Strata yang masih belum diluluskan adalah seperti berikut:

BIL	PEMOHON	HAKMILIK	DAERAH	STATUS
1.	WANDEERFUL PROPERTY & DEVELOPMENT SDN BHD.	PM 10415 LOT 115087	SEPANG	PEMBETULAN/ PINDAAN
2.	LEMBAH PENCHALA SDN.BHD.	GERAN 33186 LOT 91916	PETALING	PEMBETULAN/ PINDAAN
3.	KHUAN CHOO DEVELOPMENT SDN. BHD.	GERAN 323201 LOT 56602	PETALING	PEMBETULAN/ PINDAAN
4.	PROVEN CONSTRUCTION DEVELOPMENT SDN. BHD.	PN 112704 LOT	GOMBAK	PEMBETULAN/ PINDAAN
5.	WAWASAN SETIA MULIA	PN 109200	SEPANG	DALAM PROSES
6.	SUMUR HEIGHT SDN BHD.	GERAN 311884	PETALING	DALAM PROSES
7.	PKNS	PN 97696	PETALING	DALAM PROSES
8.	ONE CITY PROPERTIES SDN. BHD.	GERAN 311023	PETALING	DALAM PROSES
9.	PARADIGMA INTAN SDN. BHD.	PN 97673	PETALING	DALAM PROSES
10.	DIDIK MAJU SDN. BHD.	GERAN 310800	PETALING	DALAM PROSES
11.	KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR SDN. BHD.	PN 113069	PETALING	DALAM PROSES
12.	IDEAL CITY DEVELOPMENT SDN. BHD	GERAN 313888	PETALING	DALAM PROSES
13.	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN	PN 97287	PETALING	DALAM PROSES

14.	WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD	PN 92524	PETALING	DALAM PROSES
15.	PUNCAK ALAM HOUSING SDN. BHD.	PN 110353	KUALA SELANGOR	DALAM PROSES

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PELUPUSAN SISA PEPEJAL

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan bilangan tempat-tempat pelupusan sisa pepejal yang terdapat di Negeri Selangor dan kapasitinya.
- b) Sejauhmana kapasiti tempat pelupusan dapat menampung pembuangan sisa pepejal tersebut?
- c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah pembuangan sisa pepejal yang sentiasa meningkat?

JAWAPAN:

WORLDWIDE HOLDING BERHAD

- a) Kerajaan Negeri telah memberi tanggungjawab kepada pihak Worldwide Holdings Berhad (WHB) untuk membangun, mengoperasi dan menyelenggara kesemua tapak pelupusan sisa pepejal yang terdapat di Negeri Selangor.

Pada masa sekarang, pihak WHB sedang mengendalikan tiga (3) buah tapak pelupusan sisa pepejal yang terletak di Jeram, Kuala Selangor, Tanjung Duabelas, Kuala Langat, dan Panchang Bedena, Sabak Bernam dengan kapasiti sebanyak 6,450 tan sisa pepejal sehari.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (UPEN)

- a) dan b)

PBT	Lokasi	Kapasiti
MPS	Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg Kertas	Keluasan : 14 ekar Kapasiti : 250 tan sehari
MDHS	Tapak Pelupusan Sampah Sg. Sabai	Keluasan : 62 ekar
MDKS	Tapak pelupusan sampah Jeram	37400.04 MT
MDSB	Tapak Pelupusan Panchang Bedena	Keluasan : 25 ekar

PBT	Lokasi	Kapasiti
	Sungai Besar	Kapasiti : Anggaran 79 Tan sehari

- c) Rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah pembuangan sisa pepejal yang sentiasa meningkat adalah seperti berikut :
- i. Menyediakan kemudahan pusat kitar semula yang menarik dan berintegrasi yang mana berdekatan dengan kawasan kediaman bagi memudahkan penduduk menghantar barang kitar semula di samping membawa ahli keluarga secara tidak langsung mendidik masyarakat untuk mengamalkan kitar semula sejak dari usia muda;
 - ii. Memperkasakan program kitar semula melalui penerapan gaya hidup sihat seperti penganjuran program larian kitar semula yang mensyaratkan setiap peserta yang menyertai perlu membayar yuran dalam bentuk barang kitar semula seperti naskah surat khabar, botol plastik, tin aluminium dan sebagainya mengikut jumlah yang telah ditetapkan; dan
 - iii. melaksanakan program pengasingan dari rumah secara *voluntarily basis*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi dan perbandingan rizab Kerajaan Negeri bagi tahun 2018-2019.
- b) Nyatakan anggaran baki akaun hasil disatukan pada tahun 2020 ini, adakah semakin menyusut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Rizab Kewangan Negeri Selangor pada tahun 2018 adalah sebanyak RM2,135.37 juta meningkat kepada RM2,141.76 juta pada tahun 2019.
- b) Anggaran baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM134.29 juta menyusut berikutan anggaran Belanjawan Negeri Selangor yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri mengunjurkan defisit keseluruhan berjumlah RM133 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KLUSTERISASI GUGUSAN

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini program klusterisasi selain daripada klusterisasi atau Gugusan Aero Angkasa di Subang?
- b) Nyatakan prestasi Gugusan Pelancongan Eko di kawasan Hulu Selangor bagi tahun 2019-2020.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun lalu, Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN telah menerbitkan dan mengagihkan *Booklet* Klusterisasi Negeri Selangor Vol.1 yang memaparkan maklumat asas mengenai inisiatif ini. UPEN juga telah mengumpul data di peringkat negeri, nasional dan dunia bagi meneliti kekuatan sedia ada serta sasaran (*forecast*) kluster-kluster yang terlibat untuk membolehkan satu mekanisme ukuran atau *objective setting* ditetapkan terhadap pencapaian kluster. Seterusnya pada tahun ini, satu pelan tindakan bagi tempoh jangka pendek (2019-2021 – 3 tahun) dan jangka panjang (2022-2025 – 4 tahun) akan didokumenkan bagi mengenalpasti program/projek yang berupaya untuk memberi impak kepada ekonomi Selangor serta memudahkan proses pemantauan. Pelan Tindakan Klusterisasi atau *Booklet* Klusterisasi Vol.2 ini dijangka akan diterbitkan dan diagihkan pada bulan November 2020. Fokus tahun ini akan diberikan kepada Kluster Pertanian, Kluster Industri Aeropolis & Aeroangkasa dan Kluster Pendidikan.
- b) Hulu Selangor merupakan daerah yang terkenal dalam sektor eko-pelancongan dan aktiviti sukan lasak. Antara produk eko-pelancongan yang terdapat di daerah tersebut adalah Air Terjun Serendah, Hutan Lipur Sungai Kedondong, Kolam Air Panas Hulu Tamu dan Kolam Air Panas Kerling. Manakala bagi aktiviti sukan lasak pula, aktiviti seperti berakit di jeram Sungai Selangor, kereta pacuan empat roda di Sungai Sendat, Kerling dan Peretak, *paragliding* di Kuala Kubu Bharu, mendaki bukit atau gunung sekitar Kuala Kubu Bharu serta Bukit Fraser ada ditawarkan di daerah tersebut.

Untuk makluman, bermula dari tahun lepas Kerajaan Negeri melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor telah menetapkan Daerah Hulu Selangor di bawah

Kluster Eko-Pelancongan yang terajui oleh UPEN (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan). Antara pencapaian yang berjaya dilakar adalah pelaksanaan Program Pemurnian Pelancongan (P3S) Negeri Selangor. Program P3S ini merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri pelancongan di Negeri Selangor. Melalui program ini, garis panduan (GP) telah dirangka bertujuan untuk memurnikan produk-produk dan operasi pelancongan di Negeri Selangor dan sedang dalam proses kelulusan. Antara garis panduan tersebut adalah GP P3S Inap Dusun, GP P3S Sukan Lasak, GP P3S Penginapan Komersil di Premis Kediaman, GP P3S Bot & Jeti Pelancongan dan GP P3S Pengurusan Gua.

Pada tahun lepas juga, seramai 30 graduan Hos Komuniti daripada Daerah Hulu Langat, Kuala Langat dan Hulu Selangor telah berjaya dihasilkan yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kepada pelawat dan pelancong bagi merasai sendiri pengalaman unik dan menarik berasaskan kepada warisan, budaya, gaya hidup dan komuniti setempat di daerah-daerah dalam negeri Selangor.

Selain daripada itu, bagi mewujudkan industri eko pelancongan yang lebih efektif dan terancang, pihak Kerajaan Negeri melalui UPEN sedang dalam proses menyediakan Pelan Induk Pelancongan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELANCONGAN

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek naiktaraf pelancongan bagi tahun 2020 di kawasan Hulu Selangor.
- b) Nyatakan prestasi terkini aktiviti eko pelancongan di seluruh Selangor dan nyatakan lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi tempat pelancongan yang baru.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan telah memperuntukkan dana sebanyak **RM1.5 juta** bagi tujuan menaik taraf projek-projek kecil pelancongan di dalam Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini Kerajaan Negeri memfokuskan untuk menyiapkan projek menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser di dalam Daerah Hulu Selangor yang sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf ini masih lagi berjalan dan kini berada di fasa pendawaian kabel elektrik dan urusan pemasangan perkakasan dalaman.

Bagi lain-lain projek baru atau baik pulih. Kerajaan Negeri akan mendapatkan senarai-senarai keperluan projek baru dan baik pulih daripada pihak-pihak yang berkaitan untuk dianalisis keperluannya secara mendalam bagi memastikan projek-projek ini berimpak tinggi dan memberi pulangan yang setimpal kepada pelancongan dan rakyat Negeri Selangor secara amnya.

- b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mengenalpasti beberapa daerah di Negeri Selangor yang kaya dengan keindahan alam semulajadi di kawasan pelancongan seperti yang berikut:-
 - i) Hulu Selangor (Kuala Kubu Bharu, Sungai Chilling)
 - ii) Hulu Langat (Bukit Broga, Kampung Kemensah, Sungai Chongkak)

- iii) Kuala Selangor (Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Sky Mirror, Taman Alam Kuala Selangor)
- iv) Sabak Bernam (Sekinchan, Pusat Konservasi burung Enggang)
- v) Gombak (Sungai Chilling, FRIM, Batu Caves, Permatang Kuarza)

Pihak Tourism Selangor tidak mempunyai data khusus mengenai jumlah pengunjung di kawasan pelancongan eko di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Disember 2019 telah merekodkan sebanyak 7.62 juta orang pelancong dengan 56% (4.29 juta) adalah pelancong domestik manakala 44% (3.33 juta) adalah pelancong antarabangsa. Prestasi kehadiran pelancong sepanjang tahun 2019 tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2018

Antara aktiviti di kawasan pelancongan eko yang telah dikenalpasti dan menjadi tarikan para pelancong dalam dan luar negara adalah seperti berikut:-

- i) Jungle Tracking
- ii) Jungle School
- iii) Mountain Bike
- iv) Skytrex Adventure
- v) Glamping
- vi) Mendaki bukit/gunung
- vii) Berkhemah dan Bersantai
- viii) Bird Watching
- ix) Paragliding
- x) White Water Rafting
- xi) Rope Swing

Antara produk pelancongan yang baharu yang dikenalpasti berpotensi untuk diketengahkan dan dipromosikan kepada para pelancong dalam dan luar negara adalah seperti yang berikut:-

- i) Gamuda Cove (Mengambil alih Paya Indah Wetland)
- ii) Muzium Cina Malaysia, Seri Kembangan
- iii) Horse Riding Club, Gombak
- iv) Muzium Sarang Burung Walit, Puchong
- v) Greenhouse (Ladang Buah Tin), Jeram
- vi) Semenyih Art & Culture Village, Semenyih

- vii) Funtopia, Subang Jaya
- viii) Rumah Hutan & Rumah Sungai Bonda Rozita, Batang Kali

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup untuk tahun 2020?
- b) Apakah usahasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KAD PEDULI SIHAT

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah penerima bantuan kad Peduli Sihat mengikut DUN bagi tahun 2017-2019.

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima bantuan kad Peduli Sihat mengikut DUN bagi tahun 2017-2019.

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF		
		2017	2018	2019
N01	SUNGAI AIR TAWAR	2,780	3,241	700
N02	SABAK	1,928	3,904	700
N03	SUNGAI PANJANG	3,659	4,739	1021
N04	SEKINCHAN	1,737	3,427	700
N05	HULU BERNAM	2,268	3,151	700
N06	KUALA KUBU BAHARU	1,384	2,864	700
N07	BATANG KALI	4,831	7,648	1381
N08	SUNGAI BURONG	2,577	3,041	700
N09	PERMATANG	3,429	5,400	700
N10	BUKIT MELAWATI	2,965	5,059	700
N11	IJOK	1,445	2,439	700
N12	JERAM	3,216	5,033	700
N13	KUANG	3,448	4,497	700
N14	RAWANG	2,819	5,600	1381
N15	TAMAN TEMPLER	2,961	4,319	1021

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF		
		2017	2018	2019
N16	SUNGAI TUA	3,143	5,104	1021
N17	GOMBAK SETIA	1,761	2,441	1247
N18	HULU KLANG	2,035	3,851	1381
N19	BUKIT ANTARABANGSA	1,995	3,788	1381
N20	LEMBAH JAYA	2,488	3,833	1381
N21	PANDAN INDAH	1,183	1,734	760
N22	TERATAI	1,550	2,803	1010
N23	DUSUN TUA	1,915	3,104	1347
N24	SEMENYIH	2,303	5,107	1381
N25	KAJANG	2,312	4,718	1690
N26	SUNGAI RAMAL	2,286	4,200	1381
N27	BALAKONG	1,170	2,572	794
N28	SERI KEMBANGAN	3,109	4,623	1021
N29	SERI SERDANG	1,615	3,563	1381
N30	KINRARA	1,878	6,531	1690
N31	SUBANG JAYA	744	2,355	1192
N32	SERI SETIA	2,532	4,463	1381
N33	TAMAN MEDAN	2,816	4,652	1021
N34	BUKIT GASING	695	1,858	894
N35	KAMPUNG TUNKU	615	1,242	420
N36	BANDAR UTAMA	723	1,318	505
N37	BUKIT LANJAN	2,337	3,536	967
N38	PAYA JARAS	3,335	5,555	1021
N39	KOTA DAMANSARA	1,978	5,026	1381
N40	KOTA ANGGERIK	2,498	3,661	1276

NO	DUN	BILANGAN PENERIMA AKTIF		
		2017	2018	2019
N41	BATU TIGA	2,762	4,485	1381
N42	MERU	4,802	7,174	1021
N43	SEMENTA	2,814	5,027	1021
N44	SELAT KLANG	889	1,586	763
N45	BANDAR BARU KLANG	3,115	6,005	1381
N46	PELABUHAN KLANG	1,873	3,802	1021
N47	PANDAMARAN	2,221	4,743	1381
N48	SENTOSA	1,127	2,992	1381
N49	SUNGAI KANDIS	3,103	4,606	1381
N50	KOTA KEMUNING	2,052	4,526	1295
N51	SIJANGKANG	2,442	3,129	1021
N52	BANTING	3,347	6,040	1021
N53	MORIB	4,206	7,082	1021
N54	TANJUNG SEPAT	3,883	5,602	700
N55	DENGKIL	4,138	5,371	1381
N56	SUNGAI PELEK	3,366	5,159	700
	JUMLAH	136,603	233,329	59,298

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELABURAN TEMPATAN

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan di Selangor pada 2018-2019?
- b) Nyatakan bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan.

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun **2018, sebanyak 241 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan jumlah nilai pelaburan sebanyak RM18,947,397,499. Ini adalah rekod tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor. Daripada jumlah ini sebanyak RM8,110,436,804 adalah daripada pelaburan tempatan.**

Manakala bagi tempoh **Januari hingga September 2019, sebanyak 232 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM16,430,142,330. Daripada jumlah ini, sebanyak RM5,257,321,620 daripada pelaburan tempatan.**

Oleh itu, berdasarkan statistik ini dapat dilihat bahawa nilai pelaburan tempatan bagi tempoh Januari hingga September 2019 adalah menurun sebanyak 35% berbanding nilai pelaburan tempatan yang direkodkan bagi tahun 2018.

Namun begitu, statistik pelaburan yang dikeluarkan oleh pihak MIDA bagi tahun 2019 adalah bagi tempoh Januari hingga September dan ianya tidak merangkumi secara keseluruhan bagi tahun 2019.

- b) Antara projek-projek perkilangan yang diluluskan melibatkan pelabur tempatan bagi tahun 2019 adalah melibatkan sektor-sektor seperti berikut;-
 - i. Food Manufacturing
 - ii. Beverages & Tobacco
 - iii. Textiles & Textile Products
 - iv. Wood & Wood Products
 - v. Furniture & Fixtures
 - vi. Paper, Printing & Publishing

- vii. Chemical & Chemical Products
- viii. Petroleum Products (including Petrochemicals)
- ix. Rubber Products
- x. Plastic Products
- xi. Non – Metallic Mineral Products
- xii. Basic Metal Products
- xiii. Fabricated Metal Products
- xiv. Machinery Manufacturing
- xv. Electronics & Electrical Products
- xvi. Transport Equipment
- xvii. Scientific & Measuring Equipment

Namun begitu, dalam usaha promosi penggalakkan pelaburan, pihak Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 kluster utama iaitu:-

- i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*)
- ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipment*)
- iii. Sains Hayat (*Life Sciences*)
- iv. Makanan dan Minuman (*Food & Beverages Industries*)
- v. Mesin dan Peralatan (*Machinery & Equipment*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kajian yang telah dilakukan oleh IDE dari 2018-2019.
- b) Berapakah jumlah peruntukan atau geran tahunan yang diperuntukkan untuk operasi IDE bagi tahun 2018-2019?
- c) Nyatakan jumlah kakitangan IDE.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENJUALAN ASET NEGERI

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci semua aset Kerajaan Negeri yang telah dijual bagi tahun 2017-2019.
- b) Apakah faktor penjualan tersebut?
- c) Nyatakan peratusan jumlah wang rizab negeri hasil dari penjualan tersebut.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Berdasarkan rekod, aset-aset yang telah dijual dalam tempoh tahun 2017 hingga 2019 adalah aset alih kategori kenderaan dan jentera yang telah mencapai had usia guna dan tidak lagi ekonomik untuk di selenggara. Kesemua wang hasil jualan aset tersebut adalah diperakaunkan sebagai hasil negeri dan menjadi sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri (Rizab) Negeri.

Nilai aset-aset adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Aset Kerajaan Negeri Yang Telah Dijual (2017-2019)

Bil	Tahun	Nilai Perolehan (RM)	Nilaian Jualan (RM)	% Penjualan vs Rizab Negeri
1.	2017	2,106,570.53	162,476.00	0.006%
2.	2018	1,362,450.60	159,400.00	0.007%
3.	2019	864,773.02	124,785.00	0.006%
JUMLAH		4,333,794.15	446,661.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri berkaitan isu Rumah Selangorku yang terbengkalai khususnya yang telah digazetkan?
- b) Berapakah kos Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan projek Rumah Selangorku yang terbengkalai dalam setiap PBT?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), masih tiada Rumah Selangorku yang dikategorikan sebagai projek terbengkalai oleh pihak KPKT di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, badan pengawal yang boleh mengisytiharkan suatu projek sebagai terbengkalai adalah pihak KPKT.

Di Negeri Selangor, terdapat beberapa projek Rumah Selangorku yang didapati telah lewat dan dikategorikan oleh pihak KPKT sebagai Projek Sakit. Projek tersebut telah mula dipantau secara oleh Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai (JKPPT) di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mana akan memantau dan menjadi pemudah cara dalam memastikan kerja memulihkan projek yang sakit dan terbengkalai berjalan seperti dijadualkan disamping memastikan hak pembeli rumah yang terkesan dijelaskan oleh pihak pemaju penyelamat.

- b) Setakat ini, tiada sebarang peruntukan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memulihkan projek Rumah Selangorku memandangkan projek Rumah Selangorku adalah projek yang dimajukan oleh pihak pemaju swasta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : SUMBANGAN ANAK SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah sumbangan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor kepada kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 - 2019.
- b) Syarikat berkaitan Negeri Selangor yang mana menjadi penyumbang terbesar kepada kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017-2019?
- c) Senaraikan keseluruhan sumbangan syarikat anak Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan CSR tahun 2018-2019.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN AIR MANIS SABAK BERNAM

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek perumahan rakyat Selangorku di Air Manis Sabak Bernam?
- b) Bilakah tarikh projek tersebut akan dimulakan?

JAWAPAN:

- a) PNSB telah melantik satu syarikat usahasama untuk menjalankan pembangunan ke atas tanah tersebut. Buat masa kini, syarikat usahasama tersebut di dalam proses menyediakan pelan-pelan berkaitan untuk kelulusan daripada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). Selain dari itu, memandangkan projek Rumah Idaman yang dibina adalah sebanyak 217 unit yang berupa Rumah Teres 1 Tingkat, kelulusan mengenai perkara ini perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).
- b) Projek ini akan dimulakan selepas semua kelulusan berkaitan seperti Kebenaran Merancang (KM), Pelan Pembangunan dan Kerja Tanah diperolehi daripada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah dan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk menambah baik perkhidmatan Wifi Selangorku yang kebanyakannya tidak berfungsi?
- b) Nyatakan jumlah kos yang diperuntukkan untuk meningkatkan perkhidmatan Wifi percuma Selangorku.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B., terdapat 3 jenis *backhaul* yang terpasang untuk WSS:
 - i. Berasaskan gentian optik komunikasi dengan *backhaul* 30Mbps – 100Mbps
 - ii. Berasaskan talian telefon menggunakan teknologi ADSL dengan *backhaul* 4Mbps – 8Mbps
 - iii. Berasaskan teknologi selular 3G dan 4G

Daripada pemantauan kami semasa mengendalikan program ini, kami mendapati hanya kawasan dan hotspot yang tersedia dengan gentian optik komunikasi dan dengan *backhaul* sekurang-kurangnya 30Mbps sahaja yang berupaya untuk memberikan servis yang memenuhi kadar kepuasan pelanggan. Hotspot dan AP yang selain daripada yang disebut, boleh berfungsi tetapi ianya terlalu perlahan, tidak boleh menampung pengguna yang ramai, tidak sesuai untuk aplikasi terkini dan tidak mampu untuk memberikan kelajuan yang memuaskan kepada pengguna berdaftar. Ini memberikan persepsi negatif bahawa WSS ini tidak berfungsi.

Sebagai penyelesaian, SMARTSEL telah meminta pembekal perkhidmatan (Service Provider SP) menambahkan kelajuan dan menaik taraf *backhaul* untuk lokasi-lokasi tersebut tanpa perlunya ada bayaran tambahan. Jika SP gagal, SMARTSEL akan memindahkan hotspot dan AP tersebut ke kawasan yang lebih bersesuaian. Sebagai langkah terakhir, kami akan menamatkan perkhidmatan tersebut menurut klausa-klausa yang telah tersedia di dalam kontrak perkhidmatan.

- b) Tiada kos tambahan diperuntukkan dan digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan Wi-Fi percuma WiFi Selangorku yang kini lebih dikenali sebagai WiFi Smart Selangorku. Untuk pengetahuan Y.B., menurut kontrak perkhidmatan, kelajuan utama *backhaul* adalah 30Mbps dengan kelajuan yang diberikan untuk setiap pengguna adalah 1Mbps. SMARTSEL berjaya meningkatkan kelajuan tersebut daripada 30Mbps kepada 100Mbps dan daripada 1Mbps kepada 4Mbps untuk setiap pengguna tanpa memerlukan bayaran tambahan daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor kepada pembekal perkhidmatan. Kos yang berbayar adalah masih di bawah anggaran bajet maksimum (under the budget ceiling cost) seperti mana di dalam perjanjian dengan pembekal perkhidmatan utama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : WABAK COVID-19

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk mengekang tersebarnya COVID-19 khususnya di peringkat Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk membanteras virus tersebut daripada terus merebak kepada rakyat di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Antara langkah-langkah bagi mengekang tersebarnya COVID-19 khususnya di peringkat Negeri Selangor adalah seperti berikut;
 - i. Menjalankan saringan kesihatan di semua pintu masuk seperti di Pelabuhan Klang, KLIA, KLIA2 dan LTSAS;
 - ii. Orang-orang yang bersimptom yang mematuhi definasi kes Person Under Investigataion(PUI) akan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan dan pengesahan kes;
 - iii. Memaklumkan kepada orang ramai mengenai tanda-tanda penyakit ini dan segera mendapatkan rawatan;
 - iv. Memberi maklumat cara pencegahan kepada orang awam dengan mempraktikkan etika batuk yang betul semasa berada tempat-tempat awam; dan
 - v. Selalu mencuci tangan dengan cecair sanitizer dan menjaga kebersihan persekitaran, berada 3 kaki dari orang yang tidak diketahui status kesihatan atau yang mempunyai gejala
- b) Tidak diketahui setakat ini

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah syarikat pelaburan asing yang melabur di Negeri Selangor sehingga Disember 2019?
- b) Nyatakan perkembangan terkini 75 projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MIDA pada suku kedua tahun 2019 yang lepas.
- c) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan dapat dimanfaatkan melalui pelaburan yang diperolehi untuk rakyat Selangor.

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari sehingga September 2019, **105 syarikat** pengilangan melibatkan pelaburan asing telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor.
- b) Bagi **suku pertama 2019 (Jan hingga Mac)**, **75 projek** telah diluluskan MIDA, di mana ia melibatkan **51 Projek Baru** dan **24 Projek Pelaburan Tambahan** dengan jumlah pelaburan **RM1.5 billion**.

Untuk **suku kedua (April hingga Jun)**, **57 Projek** telah diluluskan dengan nilai pelaburan **RM4.4 Billion**. Dari jumlah ini, **51 projek telah melaksanakan projek dan 6** masih dalam proses pembinaan kilang.

Nota (kegunaan dalaman shj): Antara projek utama yang masih dalam pembinaan kilang ialah Pelaburan Tambahan; GS Paperboard, Best Eternity & Wilmar Palm Products.

Manakala untuk sehingga **suku ketiga (Januari-September) 2019**, **232 Projek** dengan nilai pelaburan **RM16.4 Billion** telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor. Pelaburan ini melibatkan **147 Projek Baru (RM7.5 Billion)** dan **85 Projek Pelaburan Tambahan (RM8.9 Billion)**.

Nota (kegunaan dalaman shj): Projek pengilangan dengan pelaburan tertinggi bagi tempoh Jan-Sept 2019, (Wistron-RM 3.38 Billion) telah mula menjalankan operasi pengeluaran bagi projek pelaburan tambahan di KP.Bandar Sultan Sulaiman Fasa 4, Klang.)

- c) Bagi tempoh Januari hingga September 2019, Sebanyak **16,795 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan** hasil daripada projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MASALAH SOSIAL

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana peranan dan tindakan JAIS dalam membendung penyebaran agama sesat Syiah di Selangor?
- b) Sejauh mana pihak JAIS dalam usaha mengawal masalah gejala golongan LGBT terutamanya golongan gay dan mak nyah di Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Dalam membendung penyebaran agama sesat Syiah di Selangor, peranan dan tindakan JAIS adalah:
 - 1) Jabatan Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan telah berjaya membuat tangkapan terhadap ketua dan pengikut Syiah Imamah pada tahun 2019 daripada hasil maklumat orang awam. Sebahagian mereka, ada yang masih dalam proses siasatan dan perbincangan. Pihak JAIS bertegas akan menggunakan saluran undang-undang sedia ada bagi apa-apa pelanggaran fatwa yang melibatkan ajaran sesat Syiah dan membuat pemantauan berkala ke atas premis dan pengikut syiah agar aktiviti mereka dapat dibendung dari terus tersebar kepada masyarakat.
 - 2) Memberi penjelasan mengenai bahaya ajaran sesat Syiah yang telah difatwakan menyeleweng kepada masyarakat melalui khutbah, forum, seminar, kuliah dan lain-lain medium yang boleh menyampaikan keburukan ajaran sesat Syiah kepada agama, bangsa dan negara.
 - 3) Mewujudkan penceramah dan pendakwah pakar dalam bidang akidah, syariah dan akhlak khususnya berkaitan Syiah untuk berhadapan dengan mana-mana individu atau kumpulan samada pengikut atau menyokong ajaran sesat Syiah dan juga untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya ajaran sesat Syiah kepada agama, bangsa dan negara.

- 4) Meminta institusi masjid dan NGO bekerjasama untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya ajaran sesat Syiah kepada masyarakat.
 - 5) Mengeluar dan menyebarkan bahan penerbitan termasuk poster berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syiah untuk edaran ke masjid, surau, agensi-agensi kerajaan atau swasta dan sebagainya untuk menghalang dan membanteras ajaran Syiah yang menyimpang daripada ajaran Islam.
 - 6) Membuat jalinan kerjasama antara agensi kerajaan mahupun swasta untuk mengekang dan membanteras ajaran Syiah dari terus berkembang di Negeri Selangor.
- b) Usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak JAIS bagi mengawal masalah gejala golongan LGBT terutamanya golongan gay dan mak nyah di Selangor adalah seperti berikut:
- 1) Menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah 1995 atas mana-mana seksyen kesalahan yang mempunyai kaitan dengan LGBT.
 - 2) Bahagian Pendidikan JAIS telah menyediakan kurikulum berkaitan akhlak dalam Islam daripada peringkat sekolah rendah lagi.
 - 3) Beri penjelasan kedudukan sebenar Islam terhadap pelakuan LGBT yang boleh memberi kesan terhadap akidah, syariah dan akhlak melalui khutbah, wacana, seminar, bengkel dan lain-lain yang berkaitan.
 - 4) Mewujudkan penceramah dan pendakwah pakar dalam bidang akidah, syariah dan akhlak khususnya berkaitan LGBT untuk berhadapan dengan mana-mana individu atau kumpulan yang melakukan atau mempertahankan pelakuan LGBT dan juga untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya LGBT.
 - 5) Peningkatkan media dakwah untuk memberi penjelasan dan berhadapan dengan sebarang bentuk penyebaran berkaitan LGBT sehingga ke akar umbi.
 - 6) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Ar- Riqab telah mengadakan taklimat ke sekolah-sekolah bagi menjelaskan isu-isu berkaitan LGBT dalam usaha pencegahan dikalangan pelajar-pelajar

sekolah. Program penerangan diteruskan untuk perancangan MAIS bagi tahun 2020 ini dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Selangor. Selain itu, terdapat juga pusat-pusat pemulihan yang disediakan bagi golongan LGBT ini seperti Usrah Fitrah di Kelang dan Pintas di Bangi. Kelas-kelas dipemulihan diadakan sepanjang berada di pusat-pusat pemulihan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERTANIAN

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bantuan dan kajian berkaitan tanaman sawah di kawasan Daerah Sabak Bernam dari tahun 2017-2019.
- b) Nyatakan masalah-masalah utama punca pesawah mengalami kerugian yang teruk dari tahun 2018-2019.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENGANGGURAN

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar pengangguran golongan belia di Selangor mengikut daerah.
- b) Apakah program sepanjang tahun 2019 yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada golongan belia mencari kerja?

JAWAPAN:

- a) Sasaran Kerajaan Negeri tahun 2019 adalah untuk menurunkan kadar pengangguran kepada 2.5%.

Untuk pengetahuan YB, kadar pengangguran di Negeri Selangor telah menurun seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Kadar pengangguran di Selangor untuk tahun 2017 hingga 2018 dan Suku Tahun Keempat 2019

Tahun	Kadar pengangguran Selangor (15 hingga 64 tahun)	Kadar pengangguran belia (15 hingga 30 tahun)
2017	3.0%	5.1%
2018	3.2%	5.7%
2019	2.4%	5.5%

Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2017-2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kejayaan ini adalah hasil kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memberi peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Selangor.

Namun demikian, kadar pengangguran belia di Selangor mengikut daerah masih dalam peringkat kajian.

Nota :

1. Belia mengikut definisi Dasar Belia Malaysia (DBM) ialah penduduk dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun.
2. Statistik pengangguran di Selangor, suku tahun keempat, 2019 tidak pernah diterbitkan dan perlu diguna dan ditafsir dengan berhati-hati.

Maklumat tambahan seperti di **lampiran 2**.

- b) Sasaran Kerajaan Negeri untuk memberi fokus kepada Program *Selangor Job Fair* pada tahun 2020 dan untuk menurunkan sebanyak mungkin lagi kadar pengangguran negeri, iaitu melalui;
 - i. menghimpunkan syarikat - syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan lebih-lebih lagi syarikat yang menawarkan pekerjaan berasaskan 'Gig ekonomi'. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan oleh YAB Dato' MB pada sidang Belanjawan #Selangor 2020, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat 'e-hailing' seperti GRAB, FoodPanda atau DEGO yang bakal memberi peluang pekerjaan di dalam 'gig ekonomi' kepada hampir 3,000 anak muda di seluruh Selangor terutama golongan yang layak. Ia juga dapat membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan di kalangan warga tempatan;
 - ii. melaksana dan merancang beberapa siri program *Selangor Job Fair* dalam bentuk **skala besar** iaitu ***Selangor Mega Job Fair*** dan pelaksanaan **Jelajah Karnival Kerjaya Selangor** di Peringkat daerah atau DUN yang dikenal pasti; dan
 - iii. pihak kerajaan akan mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO untuk melaksanakan program - program bagi memastikan kadar pengangguran dapat dikurangkan lagi dan kebolehpasaran belia atau graduan dapat dipertingkatkan.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan merancang untuk menyediakan program yang relevan bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dalam menempuh cabaran menghadapi revolusi industri 4.0.

JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR

b) Berdasarkan data Jabatan ini, program yang telah dijalankan oleh JobsMalaysia bersama Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

1. Selangor Mega Job Fair @ MAEPS 2019

Tarikh : 16 Mac 2019

Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Tempat : Dewan A, MAEPS Serdang.

Bilangan Majikan : 180 majikan

Anggaran Pengunjung : 20,000 pengunjung

Pengunjung Berdaftar : 8,000 pengunjung berdaftar

Penawaran Kerja : 3043 pencari kerja ditawarkan pekerjaan

2. Selangor Job Fair @ Karnival SYR

Tarikh : 2 November 2019

Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Tempat : Bulatan Bazarena, Perkarangan Stadium Malawati, Shah Alam

Bilangan majikan : 30

Anggaran Pengunjung : 739 pengunjung

Jumlah temuduga : 493 temuduga

Penawaran Kerja : 27 pencari kerja ditawarkan pekerjaan

Temuduga Kali ke-2 : 427 calon dipanggil ke temuduga kali ke-2

LAMPIRAN 2

1. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.
2. STB merupakan kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu International Labour Organization (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.
3. Menganggur merujuk kepada mereka yang berada dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari kerja dalam minggu rujukan.
4. Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.
5. Belia mengikut definisi Dasar Belia Malaysia (DBM) ialah penduduk dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun.